

APA PERANAN ANDA SEBAGAI PELAJAR ?

Aktif semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran.

Bekerjasama dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran.

Berusaha untuk meningkatkan/memperbaiki diri dalam aspek Pengetahuan dan Perkembangan Minda, Kemahiran Psikomotor dan Kemahiran Insaniah.

Memberikan maklumbalas kepada institusi dalam perkara berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran (jika perlu).

Mengukur tahap pemahaman dan pencapaian pembelajaran diri yang telah dicapai.



**It's not what we teach
It's what you learn!**



GLOSARI

OBE Outcome-Based Education

PEO Program Educational Objectives

PLO Program Learning Outcomes

CLO Course Learning Outcomes

MQA Malaysian Qualification Agency

MQA berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara. Ia memberi perakuan akreditasi kepada program-program yang memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan.

ETAC Engineering Technology Accreditation Council

ETAC adalah badan yang diwakilkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia yang ditubuhkan pada awal 2015 sebagai satu-satunya badan akreditasi yang diiktiraf untuk kejuruteraan teknologi Sarjana Muda, Diploma Kejuruteraan dan program Diploma Teknologi Kejuruteraan yang ditawarkan di Malaysia.

MBOT Malaysia Board of Technologist

MBOT adalah badan profesional yang memberikan Pengiktirafan Profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam teknologi berkaitan.

PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL (OBE)



Disediakan oleh:

Jamaliah Binti Ahmad
Lenny Kolina Binti Majalis
Adlin Yusnita Binti Ilyas
Kholid Husseine Bin Tuah
Ruzaihan Bin Jaafar
Nur Maisya Binti Mazni

OBE OUTCOME-BASED EDUCATION

Apa itu OBE?

Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) adalah proses pembelajaran dan pendekatan yang memfokus kepada hasil pembelajaran (Learning Outcome), iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk dicapai oleh setiap pelajar sebelum dan selepas tamat pengajian.

Hasil pembelajaran ialah apa yang boleh ditunjukkan oleh pelajar tentang pengetahuan dan kebolehan membuat sesuatu selepas sesuatu perkara diajar. Contoh hasil pembelajaran ialah menerangkan kepentingan 5S.



Pembelajaran yang lebih jelas.

Kepelbagai bentuk penilaian kepada pelajar.

Peratus penyertaan dan penglibatan pelajar lebih tinggi dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran.

Untuk memastikan sistem pendidikan yang berstruktur iaitu PEO, PLO dan CLO dapat dicapai.

Untuk memastikan program pengajian di PKS mendapat akreditasi daripada badan yang diiktiraf (MQA/ETAC/MBOT)

Untuk memastikan graduan kejuruteraan Politeknik mendapat perakuan oleh pihak Dublin Accord agar diiktiraf di peringkat antarabangsa.

FALSAFAH OBE



PERALIHAN DARIPADA PENDIDIKAN TRADISIONAL KEPADA OBE



APA ITU

CLO (Hasil Pembelajaran Kursus) adalah pernyataan berhubung pengetahuan/ kemahiran/ kebolehan yang diharapkan dapat dicapai oleh pelajar untuk mengetahui, memahami dan melaksanakan hasil daripada pengalaman dan pembelajaran mereka. CLO bagi setiap kursus adalah berbeza mengikut program pengajian. Sila rujuk Course Outline yang diberikan oleh pensyarah.

PLO (Hasil Pembelajaran Program) adalah pengetahuan, kemahiran, dan kemampuan yang diharapkan dapat dicapai oleh pelajar setelah tamat pengajian.

PLO untuk setiap program pengajian adalah berbeza. Sila rujuk Student Handbook mengikut program pengajian.

PEO (Objektif Pendidikan Program) adalah gambaran tentang kerjaya dan perkembangan profesional graduan, yang akan dinilai dalam tempoh minima tiga hingga lima tahun selepas tamat pengajian.

PEO untuk setiap program pengajian adalah berbeza. Sila rujuk Student Handbook mengikut program pengajian.

CQI (Penambahbaikan Kualiti Berterusan) memberi tumpuan kepada keperluan untuk menganalisis data-data yang objektif bagi meningkatkan atau menambahbaik sesuatu proses.

HASIL PEMBELAJARAN (LO)

